

Publication : **Harian Metro**
Date : 28 June 2014
Section : Bisnes
Page : 66
Headline : Terima 70% tempahan

Terima 70% tempahan

■ Projek Greenview Residence, Ridgewood antara perumahan terakhir di Bercham

Oleh Muhammad Apendy Issahak
apendy@hmetro.com.my

P emaju hartaan yang tersenarai di papan utama, Hua Yang Bhd (Hua Yang), yang melancarkan projek Greenview Residence dan Ridgewood di Bercham, Perak mendapat sambutan mengalakkannya dengan menerima tempahan 70 peratus selepas dua minggu dilancarkan.

Nilai Pembangunan Kasar (GDV), bagi kedua-dua projek perumahan membabitkan kediaman rumah teres tiga tingkat, rumah teres dua tingkat, kelompok rumah berkembar tiga tingkat dan banglo bersambung tiga tingkat itu, dianggarkan bernilai RM106.9 juta.



TONY meninjau rumah contoh.

FAKTA
Harga rumah di Greenview Residence serendah RM270,000 seunit

Penolong Pengurus Besar Hua Yang, Tony Ng berkata, projek Greenview Residence dan Ridgewood antara pembangunan perumahan terakhir di ka-

wasan Bercham yang semakin berkembang pesat.

"Greenview Residence membabitkan pembinaan 39 unit rumah teres tiga tingkat dan tiga unit ru-

mah teres dua tingkat dengan GDV RM12.4 juta.

"Manakala, bagi fasa pertama projek Ridgewood yang terdiri daripada 84 unit kelompok rumah berkembar tiga tingkat dan enam unit banglo bersambung tiga tingkat dengan GDV berjumlah RMS3 juta, sementara fasa kedua pula, merangkumi 44 unit rumah kelompok berkembar tiga tingkat, banglo bersambung tiga tingkat (14 unit) dan lapan unit banglo dengan jumlah GDV RM41.5 juta," katanya.

Beliau berkata, harga rumah di Greenview Residence adalah serendah RM270,000 seunit dan bagi unit kediaman di Ridgewood yang juga hak milik kekal serta berkonsepkan komuniti berpagar adalah serendah RM550,800.

Tony berkata, negeri ini menjadi perhatian kebanyakannya pemaju hartaan sejak kebelakangan ini disebabkan pembangunan pesat di bandar raya Ipoh dan kawasan penting seperti Bercham yang terletak di lokasi strategik.